

22 SEP 1998

Parlimen-Belanjawan

SESI BELANJAWAN PARLIMEN BERMULA 20 OKT

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Parlimen yang memulakan sesi belanjawan pada 20 Okt ini akan bersidang sepenuh hari, tidak lagi hanya pada sebelah petang seperti sebelum ini.

Mengikut peraturan baru, sidang dewan bermula pukul 10 pagi dan berakhir 5.30 petang, dengan waktu rehat selama satu setengah jam dari pukul 1 hingga 2.30 petang.

Hari persidangan tidak berubah, iaitu Isnin hingga Khamis.

Pegawai Perhubungan Awam Parlimen, Ahmad Asri Zakaria, ketika dihubungi berkata Dewan Rakyat akan bersidang selama lapan minggu dari 20 Okt hingga 10 Dis manakala Dewan Negara dua minggu dari 7 Dis hingga 17 Dis.

Sidang Parlimen Julai lepas meluluskan usul meminda Peraturan Mesyuarat bagi membolehkan persidangan bermula pagi.

Sebelum ini, persidangan Parlimen bermula 2.30 petang, Isnin hingga Khamis.

Pindaan itu juga menyebut Yang Dipertua Dewan boleh melanjutkan masa mesyuarat selama 15 minit selepas pukul 5.30 petang.

Ahmad Asri berkata semua anggota Parlimen akan menerima surat minggu ini mengenai tarikh mula persidangan itu.

Bernama juga difahamkan Belanjawan 1999 mungkin dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan 1, pada 4 petang hari Jumaat, 23 Okt.

Ketika ditanya mengenai perubahan tempat duduk anggota Parlimen Permatang Pauh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada Umno, Ahmad Asri berkata susunan kedudukan tempat itu belum ditentukan lagi.

Tempat duduk anggota Parlimen di dalam Dewan Rakyat dibahagikan kepada enam bahagian iaitu A,B,C,D,E dan F.

Anggota Parlimen kerajaan ditempatkan di bahagian-bahagian A hingga E mengikut jawatan mereka seperti menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen atau anggota Parlimen biasa.

Bahagian F dikhaskan bagi anggota Parlimen dari parti pembangkang atau bebas.

Persidangan Dewan Rakyat akan datang ini juga akan melihat kekosongan tempat duduk anggota Parlimen DAP kawasan Kota Melaka, Lim Guan Eng.

Lim sedang menjalani hukuman penjara di Penjara Kajang selama 18 bulan mulai 25 Ogos lepas setelah rayuannya terhadap dua kesalahan menerbitkan berita palsu dan menghasut ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

Mengikut Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan, seseorang Anggota Parlimen hilang kelayakan jika dia dikenakan hukuman penjara setahun atau didenda RM2,000.

-- BERNAMA

NZ